

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI FASIAH BIN
HAJI MOHD FAKEH
[SABAK BERNAM]**

NO. SOALAN : 88

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) untuk meningkatkan pendapatan keluarga luar bandar dan desa serta meningkatkan taraf hidup dan seterusnya mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pelaksanaan Program Peningkatan Pendapatan (PPP) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), adalah bertujuan menyediakan pelbagai bentuk bantuan termasuklah **pemberian mesin/peralatan, premis/bengkel dan kursus pra-pelaksanaan projek, bimbingan dan bahan-bahan mentah pada kadar maksimum RM10,000 untuk setiap peserta miskin tegar produktif bagi menjalankan projek-projek ekonomi di dalam bidang perusahaan asas tani, perniagaan kecil-kecilan, aktiviti perkhidmatan dan aktiviti pertanian/ penternakan.** Untuk makluman, bagi tahun 2014 sejumlah **RM29 juta** telah diperuntukkan dengan sasaran seramai 2,900 penerima bantuan. Sehingga Oktober tahun 2014 seramai **2,223 orang peserta telah diberi bantuan.**

Yang Berhormat,

Kementerian telah melaksanakan beberapa siri kajian *outcome* bagi menilai keberkesanan PPP. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa, pelaksanaan projek-projek PPP telah berjaya memberikan impak positif

terhadap pendapatan bulanan golongan miskin dan miskin tegar. Secara purata, **80% penerima bantuan PPP ini telah berjaya meningkatkan pendapatan dan melepasi paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Tegar iaitu dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM627.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJONG KARANG]**

SOALAN : 89

Datuk Seri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah negara yang masih lagi terlibat dalam misi SAR MH370 sehingga kini dan adakah Kerajaan memberi apa-apa bayaran atau ganjaran kepada negara-negara yang terlibat ini. Jika ada, berapa jumlah bayaran yang diberikan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah negara yang masih terlibat dalam misi SAR MH370 adalah 2 negara iaitu Malaysia dan Australia. Berhubung bayaran atau ganjaran kepada negara-negara yang terlibat adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan tidak memberi sebarang ganjaran kepada negara-negara tersebut. Walau bagaimanapun Malaysia telah bersetuju untuk menyumbang sejumlah AUD60 juta iaitu jumlah yang sama diperuntukkan oleh kerajaan Australia dalam perolehan kontrak bagi mendapatkan perkhidmatan dan peralatan daripada syarikat komersial iaitu Furgo Survey Pty Ltd dalam melaksanakan operasi mencari pesawat MH370.